

MEMBANGUN KEPERIBADIAN UNGGUL BERTERASKAN ISLAM.¹

Dato' Setia Hj. Mohd. Tamyas bin Abd. Wahid
Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor.

Pendahuluan.

Perkara yang berkaitan dengan budaya kerja cemerlang, pengurusan organisasi berkualiti, profesionalisme dalam pengurusan, etika pengurusan dan penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran telah sering diperkatakan sejak kebelakangan ini. Ia sebenarnya bukanlah satu perkara baru, malah telah wujud semenjak zaman Rasulullah s.a.w. lagi. Tinjauan terhadap sirah Rasulullah s.a.w. membuktikan perkara ini. Budaya kerja cemerlang misalnya, sudah diamalkan oleh Baginda dan ia boleh dilihat melalui perancangan bijak dalam menyusun strategi ketika peristiwa hijrah ke Madinah yang telah menemui kejayaan kepada umat Islam ketika itu. Baginda berjaya membina model pembangunan insan dan akhirnya model itu mampu menghasilkan tamadun. Jejak-jejak tamadun silam memerlukan upaya reflektif yang tinggi supaya rasa nostalgik kepada keunggulan silam tidak menyebabkan kita alpa bahawa kita menghadapi realiti baru yang memerlukan metodologi baru dan mekanisme baru.

Pentadbiran atau pengurusan organisasi sentiasa berkembang mengikut evolusi masa. Ia menerima perubahan dengan penyesuaian tuntutan semasa oleh masyarakat dan persekitaran. Sesuatu yang menjadi sumber kekuatan organisasi adalah konsep pentadbiran yang mantap dan jelas. Organisasi adalah unit sosial yang diselaraskan dengan sempadan yang boleh dikenalpasti untuk mencapai matlamat yang telah ditentukan. Organisasi juga merupakan mekanisme atau struktur yang membolehkan ahli-ahlinya bekerja cekap secara kolektif dengan penuh kepuasan. Organisasi memerlukan satu

¹ Kertas kerja ini dibentangkan pada Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah & Seminar Selangor Maju: Pembangunan Insan Cemerlang Memacu Wawasan, 4 Disember 2007, di Auditorium Majlis Bandaraya Shah Alam, Selangor.

bentuk pengurusan yang sistematik dan mantap dalam usaha menuju wawasan dan matlamat yang disepakati bersama.

Namun demikian, kejayaan sesebuah organisasi bergantung kepada kesepaduan dan kesatuan semua anggota kerja dalam pelbagai peringkat serta persefahaman dalam kalangan anggota untuk menjalankan amanah dan tanggungjawab masing-masing. Individu yang mempunyai keunggulan peribadi mampu untuk menterjemahkan segala kualiti yang ada dalam dirinya. Seseorang manusia yang memiliki sifat-sifat unggul adalah sangat beruntung kerana ia mampu mengemudi organisasinya dengan sempurna. Kondisi ini membuatkan ia dapat berperanan dengan baik kepada diri dan organisasinya.

Manusia unggul akan berjaya melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya dan sentiasa dapat memenuhi tuntutan-tuntutan rohani dan jasmaninya dengan terkawal. Aspek-aspek rohani dan jasmani manusia yang terdiri daripada tiga perkara asas iaitu akal fikiran, roh dan jasad boleh dididik dan dipandu berdasarkan fitrah sebenar berdasarkan fungsi kejadian manusia itu sendiri sebagai makhluk istimewa dan khalifah Allah yang diamanahkan untuk memakmurkan bumi ini. Firman Allah s.w.t.:² yang bermaksud :

'Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat - 'Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi'.

Firman Allah s.w.t. lagi:³ yang bermaksud :

'...Dialah yang menjadikan kamu daripada bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya...'

Akal fikiran yang diciptakan Allah s.w.t. merupakan mahkota berharga yang menampilkan imej manusia. Ia berkeupayaan menerima ilmu, berfikir,

² Al-Quran, surah al-Baqarah, ayat 30.

³ Al-Quran, surah Hud, ayat 61.

membezakan antara yang baik dan buruk, boleh dididik serta menyampaikannya kepada orang lain. Firman Allah s.w.t.:⁴ yang bermaksud :

(laitu) orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri, duduk dan semasa mereka berbaring mengiring dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata), 'Wahai Tuhan kami, tidaklah Engkau menjadikan kesemua ini dengan sia-sia.

Al-Quran menggesa manusia supaya menggunakan akal fikiran, memerhati dan mengkaji kejadian-kejadian alam ini. Pemerhatian dan pengkajian ini mempunyai faedah yang sangat besar iaitu memenuhi dan mempertingkatkan kemajuan hidup yang kemudiannya akan menemui hakikat kebesaran Allah s.w.t. sebagai Pencipta yang Maha Agung.

Dengan itu, manusia selaku makhluk yang mempunyai daya akal dan keupayaan akan tunduk patuh kepada kekuasaan Allah s.w.t. dengan penuh kesedaran dan akan melaksanakan kehidupan ini dalam situasi yang betul dan menuju keredhaan Allah s.w.t.

Definisi Keperibadian.

Kebanyakan aspek tingkah laku manusia akan mencerminkan dan melahirkan keperibadian mereka. Oleh sebab itu, bagaimana kita hendak mentakrifkan apa itu keperibadian? Konsep keperibadian mungkin merupakan satu pertimbangan nilai atau huraian yang subjektif.

Menurut Kamus Dewan,⁵ keperibadian membawa maksud perihal peribadi, sifat, watak, ciri-ciri dan sebagainya, yang khusus terdapat pada diri seseorang. Perkataan ini juga sinonim dengan maksud personaliti iaitu keperibadian atau perwatakan.⁶ Oleh itu, keperibadian dan personaliti adalah membawa maksud yang sama yang merujuk kepada sifat atau perilaku seseorang.

⁴ Al-Quran, surah Ali Imran, ayat 191.

⁵ Kamus Dewan, Edisi Ketiga, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2000, m.s. 1018.

⁶ Kamus Dewan, Edisi Ketiga, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2000, m.s. 1026.

Definisi awal tentang keperibadian atau personaliti telah diberikan oleh Menninger (1930)⁷ yang menurut beliau keperibadian atau personaliti adalah 'apa-apa yang sebenarnya yang menghuraikan tentang seseorang'. Definisi ini mengandaikan tentang keadaan biologi dan fisiologi seseorang dan ia juga dianggap sebagai terlalu ringkas. Satu definisi yang boleh dikatakan lebih menyeluruh telah diberikan oleh Warren dan Carmichael (1930).⁸ Menurut mereka, keperibadian atau personaliti adalah 'organisasi dinamik dalam diri individu yang terdiri daripada sistem psikologikal dan fizikal yang menentukan penyesuaiannya kepada persekitarannya'. Selain dua definisi tersebut, terdapat beberapa definisi lain tentang keperibadian. Misalnya, Allport (1937)⁹ telah mengumpulkan lebih kurang lima puluh definisi mengenainya.

Kajian tentang keperibadian merangkumi aspek biokimia dan fisiologi yang mempengaruhi tingkah laku, merujuk kepada individu dengan memperhatikan tingkah laku mereka. Ia juga merujuk kepada cara seseorang berinteraksi dengan individu lain. Maka dengan demikian, beberapa definisi keperibadian boleh merangkumi dari proses dalaman bagi seseorang kepada tingkah laku yang boleh diperhatikan dalam konteks hubungan antara individu. Adalah jelas bahawa kita boleh memberikan beberapa definisi tentang keperibadian. Setiap satu definisi tersebut merujuk kepada jenis tingkah laku yang berlainan dan penggunaan kaedah penyelidikan yang berlainan. Definisi-definisi tersebut ada yang konkrit dan jelas, serta terdapat juga yang abstrak.

Pandangan Islam Terhadap Keperibadian Manusia.

Manusia adalah makhluk ciptaan Allah s.w.t. yang terbaik. Islam menganggap setiap manusia ketika ia dilahirkan mempunyai sifat-sifat atau ciri-ciri yang baik dinamakan sebagai fitrah. Firman Allah s.w.t.¹⁰ yang bermaksud :

⁷ Menninger, K. (1930), *The Human Mind*. Knof, New York.

⁸ Warren, H.C. & L. Carmichael (1930), *Elements of Human Psychology*, Houghton & Mifflin, New York.

⁹ Allport (1937), *Personality: A Psychological Interpretation*, Holt, Rinehart & Winston, New York.

¹⁰ Al-Quran, surah at-Tiin, ayat 4.

Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya).

Manusia dicipta daripada dua unsur iaitu jasmani yang berasal daripada tanah dan rohani yang berpunca daripada urusan ketuhanan yang tinggi disisi Allah s.w.t. Cantuman dua unsur yang berbeza dan berlainan tabiat, sumber dan arah matlamatnya, maka terciptalah insan atau manusia dengan kekuasaan dan *iradah* Allah s.w.t.¹¹ Allah s.w.t. menegaskan bahawa kejadian insan adalah sebaik-baik dan seindah-indah kejadian. Keindahan yang dikehendaki oleh Islam adalah keindahan dalam kedua-dua unsurnya iaitu rohani dan jasmani. Bentuk zahir atau jasmani manusia memang telah indah dan sempurna. Tetapi keindahan dalam bentuk zahirnya '*al-khalq*' belum menepati keindahan dan kesempurnaan insan seperti yang dikehendaki oleh Allah s.w.t. Keindahan dan kesempurnaan insan memerlukan juga kepada pembentukan keindahan rohani yang diistilahkan oleh al-Quran dengan perkataan '*al-khuluq*'. Tanpa keindahan *al-khuluq*, manusia akan jatuh ke taraf yang paling rendah daripada segala yang rendah.

Rasulullah s.a.w. telah memulakan pembentukan masyarakat Islam dengan membina asasnya terlebih dahulu. Asas yang paling utama dalam pembentukan ini adalah budi pekerti yang mulia atau akhlak. Ia adalah satu-satunya asas yang paling kuat untuk melahirkan manusia yang bersih hati, ikhlas dalam kehidupan, amanah dalam menjalankan tugas, cinta kepada kebaikan dan benci kepada keburukan. Baginda juga adalah contoh yang paling ideal dalam menterjemahkan akhlak Islam. Segala tingkah lakunya menjadi contoh teladan yang baik untuk diikuti oleh umat Islam. Akhlak mulia yang diasaskan oleh Rasulullah s.a.w. bertujuan untuk melahirkan manusia soleh yang taat dan patuh pada agamanya. Suatu ketika, Siti Aisyah r.a. isteri Rasulullah s.a.w. pernah ditanya oleh para sahabat mengenai akhlak Rasulullah s.a.w. Beliau menjawab: 'Akhlak Rasulullah adalah al-Quran'.

¹¹ Dato' Dr. Haron Din (1988), *Manusia dan Islam*, Percetakan Watan.

Membentuk Keperibadian Muslim.

Dalam sesebuah masyarakat dan negara yang ingin menjadi aman dan makmur, adalah penting bagi setiap individu dibentuk berteraskan ajaran Islam. Seseorang yang menghayati seluruh ajaran Islam akan sentiasa berusaha untuk memperbaiki dirinya dengan menerapkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian. Kesedaran untuk mengenali dan memahami hakikat Islam mesti dilahirkan melalui jiwa yang tulus supaya Islam itu dijadikan sebagai satu cara hidup yang menyeluruh. Islam harus dijadikan obor yang dapat menerangi liku-liku kehidupan, juga sebagai teras kekuatan atau benteng untuk bertahan dari sebarang ancaman yang boleh menggugat keperibadian dan kesejahteraan umat Islam.

Keperibadian atau personaliti muslim adalah peribadi dan terbentuk daripada latihan yang dilaksanakan melalui ibadah. Keikhlasan adalah satu sifat yang amat dituntut dalam Islam. Keikhlasan dalam beribadah kepada Allah s.w.t. akan melahirkan keperibadian yang teguh. Dengan keteguhan peribadi, akan lahir manusia yang hanya akan tunduk dan taat kepada perintah Allah dan tidak mudah mengalah serta terpedaya dengan segala bentuk tipu daya duniawi. Firman Allah s.w.t.:¹² yang bermaksud :

Hamba-hamba (Allah) ar-Rahman ialah mereka yang berjalan di bumi dengan sopan santun, dan apabila orang yang kurang beradab menyapa mereka, mereka menjawab dengan perkataan yang baik-baik (selamat daripada perkataan yang mengundang dosa).

Iman seseorang tidak akan sempurna tanpa menghasilkan amal soleh dan akhlak yang mulia. Imam al-Ghazali dalam kitabnya *Khuluq al-Muslim* menyatakan, 'kuat atau lemahnya iman seseorang dapat diukur dan diketahui daripada perilaku akhlaknya, kerana iman yang kuat mewujudkan akhlak yang baik dan mulia. Sedangkan iman yang lemah mewujudkan akhlak yang tidak baik dan buruk laku, mudah terjerumus pada perbuatan keji yang merugikan

¹² Al-Quran, surah al-Furqan, ayat 63.

dirinya sendiri'. Akhlak Islam adalah bersumberkan wahyu Ilahi dan sesuai dengan fitrah manusia. Ia akan mencerminkan keperibadian seseorang dan mempunyai ciri seperti berikut:

1. Menyeluruh, iaitu mencakupi segala kegiatan merangkumi aspek akidah, syariah dan akhlak. Di antaranya termasuklah ekonomi, politik, pentadbiran, pengurusan dan sebagainya.
2. Keseimbangan antara tuntutan jasmani dan rohani, antara dunia dan akhirat.
3. Kesederhanaan yang terletak di antara dua pola yang tidak baik iaitu berlebihan dan berkurangan.
4. Realistik, iaitu tidak bertujuan menghapuskan keperluan material dan jasmani.
5. Memudahkan, bermakna tidak bertujuan memberatkan seseorang di luar kemampuannya.

Persekitaran yang tidak memberikan perhatian kepada aspek pembinaan akhlak dan rohani yang sihat, boleh melahirkan generasi yang pakar dalam pelbagai bidang ilmu keduniaan, tetapi kurang menghargai dan menghayati akhlak serta agama dalam profesyen dan kehidupan mereka.

Keperibadian dan Keupayaan Individu.

Satu perkara yang ketara dalam perkembangan keperibadian adalah perbezaan individu. Tidak ada dua individu yang mempunyai keperibadian yang serupa. Setiap individu berbeza daripada individu yang lain dalam aspek-aspek tertentu seperti **kecerdasan**, **kepimpinan** dan **kreativiti**. Perbezaan dalam ketiga-tiga aspek tersebut menghasilkan individu yang berbeza-beza dalam ciri-ciri keperibadian mereka.

Kecerdasan; kepada masyarakat umum, kecerdasan dimaksudkan sebagai kebolehan menaakul dengan baik dan logik, kebolehan menyelesaikan masalah, kebolehan bertutur dengan lancar, kebolehan membaca dan menguasai pelbagai bahasa dengan meluas, menguasai perbendaharaan

kata dengan baik, kebolehan membaca dengan kefahaman, kebolehan menulis dengan baik, ingatan yang baik dan pengetahuan yang luas. Individu yang mempunyai kecerdasan akan menunjukkan ciri-ciri seperti berikut:

1. Kecerdasan Emosi dan Spiritual (rohani).

Kecerdasan emosi dan spiritual adalah bagaimana membentuk keupayaan seseorang individu untuk mendengar suara hati sebagai sumber informasi serta kemampuan untuk memberi makna dan tujuan sebenar manusia diciptakan di muka bumi ini. Sebenarnya, seseorang individu itu mampu untuk memisahkan fizikal yang terbatas dan terbelenggu, dengan hati dan fikiran yang bebas dan merdeka. Manusia sesungguhnya memiliki kebebasan untuk memilih reaksi terhadap sesuatu yang berlaku dan bertanggungjawab sebagai penentu terhadap segala sikap atau reaksi yang diambil melalui bimbingan suara hati (*spiritual commitment*).

Adakalanya suara hati akan tertutup atau menjadi buta, tetapi kita seringkali menafikan dan tidak mahu memperakunya. Akhirnya ia akan membawa kita terjerumus dalam kancah kerosakan, kejahatan dan sebagainya. Tindakan individu sangat bergantung pada pemikirannya dan ia perlu bertanggungjawab terhadap sikap yang ditimbulkan hasil daripada apa yang difikirkannya.

Individu yang mempunyai suara hati yang bebas dan merdeka, mampu untuk melindungi pemikiran dari segala unsur negatif. Ia mampu untuk memilih atau memiliki respon yang positif walaupun berada dalam lingkungan atau persekitaran yang negatif. Ia akan sentiasa berfikiran positif dan berprasangka baik terhadap orang lain.

Keadaan ini akan mendorong semua individu dalam organisasi untuk saling mempercayai, saling membantu serta menerbitkan sikap terbuka dan kerjasama yang akhirnya akan menghasilkan prestasi dan kualiti yang membanggakan.

Prinsip yang dimiliki oleh seseorang individu akan melahirkan kepentingan dan kepentingan akan menentukan keutamaan dalam sesuatu tindakan atau urusan kerja. Individu yang berprinsip kepada penghargaan peribadi akan mengutamakan keputusan atau tindakan untuk mengangkat peribadinya. Individu yang berprinsip kepada persaingan akan membuat tindakan yang boleh menjatuhkan saingannya (persaingan tidak sihat). Individu yang berprinsip kepada kepentingan umum akan membuat keutamaan terhadap kepentingan umum walaupun harus mengorbankan kepentingan peribadi.

2. Kecerdasan Lisan.

Individu yang cerdas seharusnya mempunyai perbendaharaan kata yang baik dan dengan itu berupaya membaca dengan kefahaman yang tinggi. Di samping itu, ia perlu mewujudkan perasaan ingin tahu terutamanya berkaitan perkara-perkara baru, yang bersifat menghairankan serta terdapat banyak persoalan yang perlu dirungkaikan. Apabila menghadapi sesuatu permasalahan, ia boleh mengkaji dan meneliti keseluruhan aspek dalam permasalahan tersebut.

Individu yang mempunyai kecerdasan lisan akan belajar sesuatu dengan cepat iaitu ia mudah untuk menerima sesuatu pengetahuan atau kemahiran baru, seperti cekap untuk menggunakan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi menjamin keberkesanan proses penyampaian dalam perkhidmatan awam. Malah ia juga akan tahu bagaimana hendak menghargai sesuatu ilmu pengetahuan itu. Individu yang mempunyai kecerdasan lisan akan mudah menyesuaikan dirinya sama ada dalam kalangan rakan sekerja mahu pun dalam kalangan pihak pengurusan tertinggi di pelbagai peringkat.

3. Kebolehan Menyelesaikan Masalah.

Setiap individu perlu mempunyai kebolehan ini dengan berfikir secara kritis dan boleh mengenal pasti perkaitan antara idea-idea yang dikemukakan. Ia juga harus berupaya untuk bertindak balas terhadap idea orang lain dengan menggunakan fikirannya. Ia juga perlu menunjukkan fikiran yang terbuka dan dengan itu sentiasa bersedia serta mudah untuk menerima pandangan orang lain. Keupayaan untuk mentafsir maklumat dengan tepat akan memudahkan untuk membuat sebarang keputusan dengan baik.

4. Keterampilan Sosial.

Seseorang individu perlu menunjukkan keterampilan sosial, mudah menerima orang lain dan sentiasa menunjukkan minat terhadap perkembangan dunia semasa. Untuk itu, ia perlu menjadi seorang yang menepati masa, menunaikan janji, mengakui kesilapan yang dilakukan serta mempunyai suara hati sosial iaitu bertanggungjawab terhadap amanah yang telah diberikan. Selain itu, ia akan berfikir dahulu sebelum berkata-kata atau melakukan sesuatu, peka terhadap keperluan dan keinginan pihak lain, telus, jujur dengan diri sendiri dan dengan orang lain serta berkeupayaan untuk membuat pertimbangan yang adil.

Selain ciri-ciri yang telah dinyatakan, kebolehan seseorang individu untuk menyesuaikan dirinya dengan baik dan mudah, terhadap pelbagai kehendak pelanggan dalam situasi sosial yang berlainan, selama mana tidak menggadaikan prinsip, adalah amat penting dan ia akan memberi persepsi yang positif daripada kalangan masyarakat.

Kecerdasan juga dikaitkan dengan prestasi dalam persekitaran sosio-budaya yang khusus. Oleh yang demikian, individu yang cerdas adalah mereka yang benar-benar tahu dan memahami budayanya. Ia dapat melakukan perkara yang betul dalam masa yang sesuai. Selalu berfikir positif dan tidak tergesa-gesa apabila menghadapi situasi yang kontra dengan prinsipnya, serta tidak terus bertindak berdasarkan pengalaman lalu. Ia akan meneliti setiap permasalahan dengan mendalam dan mencari penyelesaian baru.

Kecerdasan biasanya berkait dengan tindakan, kerana kecerdasan membolehkan individu itu membuat tindakan. Ia dapat melihat sesuatu situasi itu secara keseluruhan dan dalam ruang lingkup yang luas, kemudian mengambil tindakan atau keputusan yang rasional bagi mencapai matlamat atau tindakan penyelesaian. Sebaliknya, individu yang tidak memiliki kebolehan ini didapati sukar untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi kerana pemikiran dan matlamat yang tidak jelas.

Kepimpinan; kebolehan untuk mempengaruhi individu, mengurus dan mentadbir sesebuah organisasi ke arah pencapaian matlamat yang tertentu. Adakah seseorang pemimpin itu boleh dilahirkan atau dilatih? Adakah wujud pemimpin semula jadi? Banyak kajian telah dijalankan bagi menjawab persoalan ini dan pada umumnya, hasil kajian tersebut menyimpulkan bahawa terdapat sebilangan kecil sahaja ciri-ciri yang boleh membezakan antara pemimpin dan orang yang dipimpin.¹³ Ciri-ciri yang menunjukkan perkaitan konsisten walaupun kecil, adalah kecerdasan dan motivasi. Seseorang pemimpin yang tinggi kecerdasannya, mereka lebih berorientasikan pencapaian, dominan dan mempunyai keyakinan yang tinggi pada diri sendiri. Oleh itu, ciri-ciri keperibadian yang positif seperti kecerdasan yang tinggi, motivasi yang kukuh dan keyakinan diri adalah antara sifat yang membezakan pemimpin dengan orang yang dipimpin. Terdapat sembilan ciri yang ketara dalam kalangan pemimpin yang berkesan, iaitu:

1. Sentiasa ingin belajar.

Pemimpin yang berjaya akan sentiasa belajar menerusi pengalaman, pembacaan, mencari latihan, belajar melalui deria penglihatan dan pendengaran. Sentiasa berusaha untuk meningkatkan kecekapan dalam melaksanakan sebarang tanggungjawab. Selain itu, ia harus mengembangkan minat dan kemahiran baru. Dalam usaha mendapatkan ilmu, ia harus menyedari bahawa semakin banyak perkara atau maklumat yang diperolehi, sebenarnya semakin banyak perkara

¹³ Fiedler, F.E. (1981), Leadership Effectiveness, American Behavioral Scientist, pg. 619-632.

lain yang belum diketahuinya. Apa yang lebih utama adalah sifat ini perlu datang dari daya usahanya sendiri.

2. Sentiasa ingin berkhidmat.

Pemimpin yang baik akan melihat kehidupan ini sebagai satu misi dan bukan satu kerjaya. Misi utamanya adalah untuk melunaskan tanggungjawab sebagai khalifah Allah, memikul amanah yang telah dipertanggungjawabkan serta mencari keredhaan Allah s.w.t. kerana manusia telah diperuntukkan oleh Allah s.w.t. untuk melalui empat alam yang mempunyai suasana yang berbeza antara satu sama lain. Sebagai hamba Allah, kita telah merasai alam rahim, sedang melalui alam dunia dan akan menuju alam barzakh dan alam akhirat. Oleh itu, apa yang perlu menjadi keutamaan adalah bagaimana ia boleh memberi khidmat atau sumbangan kepada masyarakat dengan baik.

3. Mempunyai pemikiran yang positif.

Seorang pemimpin yang berkesan perlu menunjukkan keperibadian yang menyenangkan, optimis, positif dan bersemangat tinggi. Dengan pemikiran yang positif, seseorang pemimpin bukan sahaja bersedia untuk berkhidmat tetapi juga ia boleh menukar situasi yang negatif di sekelilingnya kepada yang lebih positif.

4. Percaya kepada orang lain.

Pemimpin yang baik dan berkesan tidak akan bertindak secara berlebihan terhadap kekurangan dan kelemahan orang lain yang dilakukan pada peringkat awal, terutamanya apabila ia masih berada dalam proses pembelajaran. Ia seharusnya percaya bahawa setiap orang mempunyai potensi dan kualiti yang tersembunyi. Potensi dan kualiti ini perlu dizahir dan dikembangkan dengan sebaik mungkin bagi mewujudkan suasana yang positif untuk kemajuan orang yang dipimpin.

5. Mempunyai kehidupan yang seimbang.
Dalam banyak perkara, pemimpin yang berjaya akan memperlihatkan keseimbangan dalam hidup mereka. Oleh itu, contoh dan teladan yang baik adalah melalui Rasulullah s.a.w. yang berkerja di dunia untuk mengejar akhirat dan beramal untuk akhirat dengan tidak meninggalkan urusan atau tugasnya di dunia. Setiap individu perlu menyedari bahawa kita tidak dapat mencari akhirat melainkan dengan mengislahkan dunia dan tidak akan dapat sampai ke akhirat melainkan melalui jalan dunia. Kewajipan sebagai khalifah Allah adalah untuk memakmurkan bumi-Nya serta menanam benih amalan agar dapat dituai di akhirat kelak.
6. Melihat kehidupan sebagai satu penerokaan.
Dengan adanya daya usaha yang tinggi, keberanian, kreativiti, tenaga dan kecerdasan, seseorang pemimpin sentiasa mahu meneroka perkara-perkara baru dalam kehidupannya. Ia perlu yakin bahawa apa-apa perkara baru yang ditempuhinya adalah satu kenikmatan dan sentiasa bersedia mencari sesuatu yang baru seterusnya memberikan sumbangan untuk menjayakan matlamat organisasi.
7. Sedia membawa perubahan.
Dengan daya usaha dan semangat yang tinggi, seseorang pemimpin yang baik dan ideal akan sentiasa bersedia untuk mengubah suasana dan orang yang dipimpinnya. Pengetahuan dan pengalaman yang ada akan diterapkan agar dapat digunakan untuk faedah kelompok yang dipimpinnya iaitu membawa dimensi baru ke arah perubahan yang lebih baik dari sebelumnya.
8. Menjaga kecergasan diri.
Seseorang pemimpin yang ingin mencapai kecemerlangan akan menjaga kesihatan diri setiap masa. Ia tidak jemu untuk mengikuti latihan fizikal untuk menjaga kecergasan dirinya supaya dapat berkhidmat dengan baik. Dari segi mental, kecergasannya boleh dikekalkan dengan menelaah pelbagai bahan bacaan untuk

meningkatkan pengetahuan dan merangsang fikiran. Ia juga perlu sentiasa berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatan/produktiviti dan ini boleh mendatangkan kepuasan pada diri sendiri.

9. Merancang, melaksana, mengawal dan bertindak (PDCA).

Seseorang pemimpin perlu bijak merancang, melaksana, mengawal dan bertindak dengan matlamat untuk mencapai kejayaan yang optimum, di samping menepati kehendak pelanggan. Selain itu, ia harus mempunyai sikap bertanggungjawab terhadap apa yang dilaksanakan.

Kreativiti; menjadi kreatif bermaksud mewujudkan sesuatu yang belum pernah ada iaitu sesuatu yang baru dan mempunyai nilai. Sesuatu hasil yang kreatif sepatutnya tidaklah mudah atau merupakan sesuatu yang biasa. Ia mesti merupakan sesuatu yang unik atau jarang ditemui. Di samping itu, ada juga pendapat yang menyamakan kreativiti dengan keistimewaan semula jadi atau pun kecerdasan. Menurut MacKinnon,¹⁴ kreativiti yang tulen memenuhi sekurang-kurangnya tiga syarat. **Pertama**, ia melibatkan gerak balas atau idea yang baru atau yang jarang berlaku. **Kedua**, ia mesti boleh digunakan dalam suasana sebenar. Contohnya, dalam penyelesaian sesuatu masalah. **Ketiga**, idea yang asal itu dapat dikekalkan, dinilai dan dimajukan sepenuhnya. Perkara ini sesuai dengan hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: *'Sesungguhnya Allah menyukai apabila seseorang itu melakukan sesuatu tugas, ia melaksanakannya dengan tekun'*.

Ringkasnya, kreativiti adalah satu proses mental yang dengannya individu mencipta idea atau produk baru, atau menggabungkan idea dan produk yang sedia ada supaya ianya menjadi sesuatu yang baru.¹⁵ Kreativiti adalah keupayaan untuk menjana idea baru, membayangkan segala kemungkinan dan gabungan baru, melihat masalah dari sudut yang baru serta berani mengambil risiko dalam mencuba sesuatu yang tidak pernah dilakukan sebelumnya. Kreativiti berkait rapat dengan ilmu pengetahuan, kemahiran

¹⁴ Mackinnon, D.W. (1962). The Nature and Nature of Creative Talent. American Psychologist, 17: 484-495.

¹⁵ Gallanger, J.J. (1985). Teaching The Fifted Child, Allyn & Bacon, Boston.

asas dan pemikiran kritis. Ianya boleh difahamkan sebagai penggunaan pengetahuan dan maklumat dengan cara baru.

Penutup.

Manusia unggul adalah mereka yang memenuhi ciri-ciri individu muslim yang sebenarnya menurut kehendak al-Quran dan as-Sunnah dalam seluruh aspek kehidupan. Bagi mewujudkan manusia unggul, seseorang itu hendaklah memiliki ciri-ciri keunggulan iaitu keimanan yang utuh, amal ibadah yang meliputi fardhu 'ain dan fardhu kifayah serta akhlak mulia yang merupakan cermin keimanan dan amal salih. Keimanan kepada Allah s.w.t. adalah paksi pembinaan negara dan ummah.

Dengan keimanan yang teguh, akan melahirkan individu yang unggul dan masyarakat yang berbudi luhur, berdisiplin dan beramanah demi kebaikan dunia dan akhirat. Keimanan tanpa ketaatan melalui amal ibadat adalah sia-sia. Seseorang yang berperibadi unggul akan tergambar jelas keimanannya melalui amal perbuatan dalam kehidupan sehariannya. Akhlak mulia terbentuk melalui nilai-nilai dan disiplin yang diamalkan oleh individu. Sekiranya nilai yang diamalkan itu positif maka akan lahir sebuah masyarakat yang aman, damai, harmoni dan diselubungi roh Islam.